

**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI
(JAPSU) BIL 4/2016/2017**

TARIKH : 28 DISEMBER 2016 (RABU)
MASA : 2:30 PETANG
TEMPAT : i) BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB
 ii) BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8,
 MENARA RAZAK, UTM KL

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun binti Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4
2.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2/4
3.	Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	4/4
4.	Prof. Madya Dr. Mohd Ismail bin Mustari	Fakulti Tamadun Islam	4/4
5.	Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	3/4
6.	Prof. Madya Dr. Abdul Razak bin Rahmat	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	3/3
7.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	4/4
8.	Prof. Madya Dr. Mohammad Rafee bin Majid	Fakulti Alam Bina	4/4
9.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	3/4
10.	Prof. Madya Dr. Hairul Nizam bin Ismail	Fakulti Alam Bina	4/4
11.	Dr. Zaini bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	2/2
12.	Prof. Madya Dr. Norafida binti Ithnin	Fakulti Komputeran	3/4
13.	Dr. Khairiah binti Soehod	Fakulti Pengurusan	4/4
14.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains	4/4
15.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Bin Zainuddin	SRAD	4/4
16.	Prof. Dr. Mohd Ghazali bin Mohd Nawawi	Sekolah Pengajian Siswazah	4/4
17.	Prof. Madya Dr. Aminah binti Md Yusof	Sekolah Pengajian Siswazah	2/4
18.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah	4/4
19.	Dr. Syahrullail bin Samion	Sekolah Pengajian Siswazah	2/4
20.	Dr. Megat Aman Zahiri bin Megat Zakaria	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4

BIL	KEHADIRAN UTM KL (SIDANG VIDEO)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	UTM MJIIT	4/4
2.	Prof. Dr. Azizah bt Abdul Manaf	UTM AIS	3/4
3.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha bt Abd. Rasid	IBS	3/4
4.	Dr. Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	1/1
5.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	UTM RAZAK	3/3
	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	1/4
6.	Prof. Madya Dr. Shreeshivadasan A/L Chelliapan	Sekolah Pengajian Siswazah	2/4
BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	1/2
2.	Prof. Dr. Khalil bin Md. Nor	Fakulti Pengurusan	0/1
3.	Prof. Dr. Habibollah bin Haron	Fakulti Komputeran	0/1
4.	Prof. Dr. Mohd Rosli bin Hainin	Fakulti Kejuruteraan Awam	1/1
5.	Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	1/1
6.	Prof. Dr. Mohd Hasbullah bin Hj. Idris	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	0/1
7.	Dr Mohd Fauzi Bin Abu @Hussin	Fakulti Tamadun Islam	1/1
8.	Prof. Madya Dr. Kasturi Devi A/p Kanniah	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	0/1
9.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Fakulti Kejuruteraan Awam	2/2
10.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	Razak School	1/2
11.	Dr. Nomahaza bt Mahadi	IBS	2/2
12.	En. Asram bin Sulaiman @ Saim	Sekolah Pengajian Siswazah	1/2
BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN	
1.	Prof. Dr. Hamdan bin Said	UTM ISC	
2.	Dr. Shek Poi Ngian	FKA	
3.	Dr. Salfarina bt Samsudin	FGHT	
4.	Pn. Faridah bt Abd Aziz	UTM AMD	
5.	Cik Intan Shahnaz binti Zulkifli	UTM AMD	
6.	Cik Khairani binti Ibrahim	UTM ARO	
7.	Cik Radiatul Hadaviyah	SPS	
8.	Pn. Che Noorlia binti Shaari	SRAD	
9.	Pn. Ayu Azrin binti Abdul Aziz	UTM ISC	
10.	En. Mohd. Fathi bin Sariman	Urusetia	
11.	Cik Norazlina binti Azizi	Urusetia	
12.	Pn. Akmalinnisa binti Md Hidiah	Urusetia	
13.	Pn. Nor Hidayati binti Mokhtar	Urusetia	
14.	Pn. Noraliza bt Tasiran	Urusetia	

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir. Beliau mempengerusikan mesyuarat dari UTM Kuala Lumpur.

1.1 Kursus Kaedah Penyelidikan Secara MOOCS

Pengerusi memaklumkan bahawa kursus kaedah penyelidikan untuk pelajar penyelidikan akan dibuat secara MOOCS dan MQA telah mengiktiraf MOOCS bagi tujuan perpindahan kredit. Pelajar yang mana kaedah pengajian secara *remote* dibenarkan untuk mengambil kursus secara MOOCS. Fakulti diminta untuk menyenaraikan penyelaras kaedah penyelidikan ke SPS. CTL akan membantu untuk membuat MOOCS ini dan pensyarah yang terlibat sekiranya membuat MOOCS akan mendapat markah dalam e-LNPT. Satu mesyuarat untuk melihat potensi MOOCS ini akan diadakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Senarai nama penyelaras kaedah penyelidikan yang lengkap boleh diemel kepada urusetia iaitu Puan Nur Hakimi Binti Karsono.

Tindakan : Fakulti/ Urusetia

1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kertas Kerja

Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kertas Kerja akan dibuat pada 9 Januari 2017 (Isnin). Pengerusi memaklumkan fakulti mempunyai tempoh penghantaran kertas kerja bagi tujuan *review* kurikulum sehingga 2 Januari 2017.

Tindakan : Fakulti / Urusetia

1.3 Statistik Laporan Kemajuan

Pengerusi memaklumkan bahawa 9 fakulti berjaya 100% dalam pengisian laporan kemajuan pelajar. Sekiranya terdapat pelajar yang tidak menghantar laporan kemajuan dan ingin menghantar rayuan, ia adalah perlu disemak terlebih dahulu dan sekiranya ada kes yang perlu ditangani, ia hendaklah dimajukan ke SPS. Pengerusi juga mengingatkan sekiranya pelajar baharu mendaftar di SRAD selepas tempoh pengisian markah, JKA fakulti hendaklah memberikan keputusan MM kepada pelajar baharu tersebut.

Makluman

1.4 iCGPA

1.4.1 Perancangan iCGPA

Pengerusi meminta semua fakulti menghantar kertas kerja bagi perancangan iCGPA dengan segera ke SPS. Mesyuarat JKTS Kurikulum dan Akademik akan diadakan pada 10 Januari 2017 dan Timbalan Dekan (A) dan Pengurusan Akademik perlu arif tentang PEO dan PLO serta kertas kerja yang disediakan.

Makluman

1.4.2 Bengkel iCGPA

Bengkel iCGPA akan diadakan pada 28 disember 2016 dan terdapat 14 program yang akan diberikan pendedahan. Walaubagaimapun, pengerusi mengingatkan semua program adalah terlibat secara langsung dan maklumat perlu diberikan bagi tujuan penambahbaikan dalam transkrip yang akan disediakan oleh AMD. TP SPS diminta untuk mengambil maklum perkara ini dan satu kertas kerja perlu disediakan bagi tujuan ini.

Tindakan : Fakulti, AMD & TP SPS

1.5 Status Kertas Kerja Semakan Program Pasca Siswazah

Pengerusi memaklumkan terdapat 3 kertas kerja akan dibawa dalam Mesuarat Semakan Program Pasca Siswazah iaitu:

- i. Kertas Kerja Cadangan Mewujudkan Program Bersama (*Joint Degree*) antara UTM Dengan University of Tsukuba oleh MJIIT
- ii. Kertas Kerja Cadangan Mewujudkan Program Ijazah Sarjana Berganda (Dual Master Degree) Antara UTM dan Chiba University of Commerce (CUC) oleh IBS.
- iii. Kertas Kerja Cadangan Mewujudkan Program Kolaborasi Antara UTM dan International University For Renewal (IUR) Turkey University oleh IBS.

Makluman

1.6 PGSS

Pengerusi memaklumkan bahawa fakulti boleh melantik penyelaras bagi aktiviti PGSS untuk membantu menghebahkan makluman kepada pelajar. Dimaklumkan bahawa SPS telah memberikan peruntukan kewangan bagi melaksanakan program PGSS dan sekiranya tidak digunakan, peruntukan akan dikembalikan semula ke pihak Universiti.

Makluman

1.7 Graduan Penyelidikan

Pengerusi membentangkan pencapaian graduan penyelidikan bagi tahun 2016 dan sasaran graduan PhD bagi tahun 2017. Sasaran graduan bagi tahun 2017 disediakan berdasarkan enrolmen sedia ada iaitu 20% graduan daripada enrolmen dan pelajar yang telah NHT. Dimaklumkan juga SPS akan merangka sasaran graduan sarjana penyelidikan tahun 2017 dan fakulti dimohon untuk memberi maklumbalas berdasarkan *template* yang telah diberikan oleh SPS.

Tindakan : BPB SPS dan fakulti

1.8 Tarikh Penghantaran Tesis

Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh akhir penghantaran tesis adalah pada 2 Februari 2017. Fakulti diminta untuk menyemak pelajar yang telah berada di semester akhir supaya telah menghantar notis bagi tujuan penghantaran tesis sebelum tarikh akhir tersebut. Jika tidak, fakulti perlu membawa permohonan notis pelajar pada JAPSU terakhir Januari 2017.

Makluman

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT BIL 3/2016/2017

Minit Mesyuarat JAPSU bil 3/2016/2017 diluluskan dengan pembetulan kehadiran dekan di UTMKL.

2.1 Ucapan Penghargaan

2.1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Sukri bin Saud dari Fakulti Pendidikan yang telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) dan beliau merupakan Timbalan Dekan (Akademik) yang telah lama berkhidmat. Ucapan tahniah kepada Prof. Madya Dr. Azlina bt Kosnin yang dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) baharu serta Dr. Hasnah bt Mohamad yang dilantik sebagai Pengurus Akademik Fakulti Pendidikan yang baharu.

Makluman

2.2.2 Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Dekan (Akademik) Akademi Bahasa yang telah tamat tempoh dan bersara daripada perkhidmatan. Walaubagaimanapun, pemangku beliau masih belum dimaklumkan lagi.

Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Penukaran Separuh Masa Kepada Sepenuh Masa

Mesyuarat bersetuju cadangan supaya surat tawaran yang dikeluarkan hendaklah disertakan bersama jadual perancangan kuliah serta satu surat pengesahan pemakluman bentuk pengajian pada calon yang memerlukan.

Tindakan : SRAD

4.0 LAPORAN BAHAGIAN

4.1 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

4.1.1 Jadual Urusan Peperiksaan Dan Pengijazahan

AMD meminta fakulti mohon mengambil maklum tentang tarikh-tarikh penting iaitu tarikh peperiksaan, tarikh kemasukkan markah, mesyuarat JKA, JKTS (Peperiksaan & Pengijazahan) dan juga

memaklumkan keputusan peperiksaan. Maklumat-maklumat tersebut telah diemel kepada JAPSU pada 4 Ogos yang lalu.

Makluman

4.1.2 Pekeliling Portal Pelajar

AMD memaklumkan bahawa satu pekeling telah dikeluarkan oleh CICT berkaitan penggunaan portal pelajar my utm. Maklumat pekeling boleh dilihat di url <https://my.utm.my>.

Makluman

4.1.3 Pekeliling Pindaan Bentuk Pendaftaran

Pekeling yang dikeluarkan oleh SPS tentang pindaan bentuk pendaftaran pasca siswazah iaitu secara sepenuh masa sahaja. Oleh itu pihak AMD telah mengeluarkan kod kursus yang baru dengan menggunakan satu kod sahaja. Kod bentuk pendaftaran separuh masa sebelum ini tidak perlu dibetulkan.

Makluman

4.1.4 Pekeliling Pengguguran Permohonan Penganugerahan Pelajar Pasca Siswazah

Merujuk kepada pekeling SPS berkaitan Pengguguran Permohonan Penganugerahan pelajar Pasca Siswazah, di mana pelajar dianugerahkan oleh senat tanpa perlu memohon. Bagaimanapun, bagi tujuan semakan maklumat graduan, AMD akan menggunakan borang baharu dan ia akan digunakan berkuatkuasa Semester II Sesi 2016/2017.

Mesyuarat mencadangkan agar borang tersebut diletakkan bersama pengurusan ACAD. Bagi pelajar antarabangsa, nama graduan adalah mengikut passport pelajar.

Tindakan : AMD

4.2 LAPORAN BAHAGIAN INTERNATIONAL STUDENT CENTRE (ISC)

Prof. Dr. Hamdan bin Said membentangkan laporan bahagian International Student Centre (ISC) seperti berikut:

4.2.1 Permohonan Pas Pelajar

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebelum tahun 2013 pas pelajar hendaklah dimohon kepada pihak Imigresen dan selepas 2013 ia perlu dimohon melalui EMGS. Pada bulan Mac ini permohonan kepada pihak EMGS adalah secara *online*. Tidak semua permohonan yang dihantar akan diluluskan oleh pihak Imigresen kerana kuasa kelulusan adalah dari pihak Imigresen.

Makluman

4.2.2 Permohonan Visa Pelajar Kanan

Dimaklumkan bahawa penggunaan visa sosial boleh digunakan pada satu ketika dan sekarang tidak dibenarkan lagi. Untuk memperbaharui visa perlu mengikut prosedur yang ditetapkan. Permohonan adalah tidak boleh lewat daripada tarikh yang ditetapkan dan dokumen perlu disahkan oleh beberapa PTJ berkaitan mengikut jenis dokumen.

Pengerusi mencadangkan agar maklumat berkaitan perkara 4.2.1 dan 4.2.2 boleh dimajukan melalui emel kepada semua ahli mesyuarat. ISC juga boleh membuat pengesahan dokumen dan tidak perlu mendapatkan pengesahan daripada 3 PTJ berbeza. ISC juga diminta untuk lebih pro-aktif dalam pengumpulan pasport bagi tujuan pembaharuan visa pelajar

Makluman

4.2.3 Sistem AIMS

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa ISC merujuk kepada status pelajar dalam AIMS. Bagaimanapun, ISC memohon supaya ada catatan bagi kes seperti TM atau KG untuk makluman ISC. Selain itu, pelajar perlu menghantar pasport mereka 3 bulan lebih awal untuk dimasukkan ke dalam sistem.

Makluman

4.2.4 Permohonan Visa Tamat Tempoh

Bagi kes pelajar yang telah tamat pasport atau pas pelajar, ISC diminta untuk memaklumkan melalui email kepada pelajar untuk menguruskan pembaharuan visa pelajar untuk mengelakkan pelajar dihantar kembali ke negara asal dimana kos akan dibebankan kepada pelajar.

Makluman

4.2.5 Insurans Pelajar Kanan

ISC memaklumkan bahawa bagi pelajar antarabangsa sedia ada adalah dilindungi oleh insuran daripada takaful. Bagaimanapun mulai Septembar 2016, pihak EMGS telah memaklumkan bahawa hanya dua pilihan baharu bagi pelajar untuk mencarum dan ia tidak termasuk insuran takaful. Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkhidmatan yang ditawarkan tidak sebaik yang lama, sehubungan dengan itu pihak ISC akan berusaha untuk membincangkan dengan EMGS untuk menambah baik yang ditawarkan oleh dua insuran tersebut supaya pelajar dapat menerima untuk bertukar kepada insuran yang ditawarkan.

Makluman

4.2.6 Supervisory Report

Pihak ISC memaklumkan untuk mengelakkan pelajar tidak berada dalam kampus, pensyarah dan penyelia hendaklah mengambil kedatangan pelajar atau mengisi *Supervisory Report*. TD (Akademik) perlu mengambil maklum sekiranya timbul masalah, ISC boleh merujuk kepada fakulti dan mendapatkan maklumat yang berkaitan. Bagi pelajar kanan yang sedang tangguh pengajian dan kembali ke negara asal, pelajar perlu mempunyai bukti tiket kembali ke negara asal.

Makluman

4.3 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

4.1 Pendaftaran Pelajar

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tarikh pendaftaran pelajar akan diadakan pada 6 hingga 8 Februari 2017 untuk kampus JB di PRZS dan di Kampus UTMKL pada 11 hingga 12 Februari 2017 bertempat di Menara Razak.

Makluman

4.2 Perangkaan Pengambilan

Bilangan permohonan lengkap adalah sebanyak 1978 dan masih ada permohonan yang masih dalam proses. Pihak SRAD memohon M3 yang telah dihantar ke fakulti dapat diproses dengan kadar yang segera untuk tindakan SRAD seterusnya.

Tindakan : Fakulti/ SRAD

4.3 Mesyuarat JAPSU Khas Bagi Tujuan Peningkatan Pengambilan

SRAD diminta untuk menetapkan satu tarikh bagi mengadakan Mesyuarat JAPSU Khas dengan kehadiran Timbalan Dekan (Akademik) dan Pengurus Akademik Pasca Siswazah fakulti bagi membincangkan strategi yang bersesuaian bagi meningkatkan bilangan pengambilan pelajar baharu dengan melihat urusan proses penawaran dan sebagainya. Bengkel perlu diadakan selewat-lewatnya minggu ke dua (2) bulan Januari 2017.

Tindakan : SRAD

4.4 Direct Offer

Mesyuarat meminta semua fakulti memberikan nama pelajar tahun akhir/ graduan kepada pihak SRAD bagi tujuan mengeluarkan surat

tawaran secara terus (*Direct Offer*) kepada pelajar yang layak. Senarai tersebut perlu diberikan kepada SRAD selewat-lewatnya pada 5 Januari 2017.

Tindakan : Fakulti dan SRAD

5.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Biasiswa) SPS meminta fakulti memastikan penilai yang dilantik tidak dalam cuti sabbatical atau berada di luar kawasan (latihan industri).

5.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Kejuruteraan.

Makluman

5.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Sains Dan Teknologi.

Makluman

5.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah Sains Sosial.

Makluman

- 5.4 Pengerusi memberikan peringatan kepada FBME bahawa fakulti hanya boleh kemaskini/ luluskan permohonan perlantikan pemeriksa tesis di GSMS selepas diperakukan oleh JKA fakulti.

Tindakan : FBME

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MAKLUMAN)

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Kejuruteraan.

Makluman

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemerisa tesis pelajar Sarjana jurusan Sains Dan Teknologi.

Makluman

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemerisa tesis pelajar Sarjana jurusan Sains Sosial.

Makluman

- 6.4 Mesyuarat meminta JKA fakulti memastikan penilai luar pelajar Muhammad Noor dari FKA tidak menolak kerana kedua-dua penilai berpangkat Doktor dan mengikut prosedur perlu salah seorang berpangkat Prof. Madya.

Makluman

- 6.5 Mesyuarat memperakukan pelantikan penilai pelajar Norzila binti Ngadiman dari fakulti FC dengan syarat Pemeriksa Luar tidak menolak dan mengekalkan Dr. Tham Cai Di sebagai penilai Dalam.

Makluman

- 6.6 Mesyuarat memperakukan pelantikan penilai Siti Najwa Binti Zamri dari FS diperakukan dengan pemeriksa dalam tidak menolak.

Makluman

7.0 PERMOHONAN LANJUT HANTAR NOTIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis pelajar dengan mengekalkan panel sedia bagi pelajar seperti berikut:

7.1 EFI AFRIZAL (PM113090)

7.2 NAJWA BINTI ABU BAKAR (PC103347)

7.3 NORWAZAN BINTI ABDUL RAHIM (PM113018)

7.4 NURUL NAJIDAH BINTI MOHAMED (PS123009)

7.5 MUHAMMAD AIMAN BIN ABU BAKAR (MJ1133017)

7.6 THINES RAJ A/L KOGILADAS (MJ133067)

– Mesyuarat hanya memperakukan pelanjutan hantar notis selama 2 bulan.

7.7 MOHD AMIRUL AMIN BIN ARIZAL (MM123026)

Makluman

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan pelajar dengan mengekalkan panel sedia bagi pelajar seperti berikut:

8.1 MOHAMAD NOOR ROPIAH BIN ABU BAKAR (EA092001)

Makluman

8.2 RADHIAH BINTI AB RAHIM (MP1330019)

Pelajar diperakukan tempoh pembetulan sehingga 31 Januari 2017 iaitu selama 2 bulan dari tarikh permohonan dihantar.

Tindakan : Bahagian BPB, SPS

9.0 PERLANTIKAN PANEL PEMERIKSA

Mesyuarat meluluskan permohonan perlantikan panel pemeriksa seperti dibawah dengan urusan perlantikan bagi Ayman F.M.Maliha (PJ133002) dilaksanakan segera oleh Bahagian BPB SPS.

9.1 ANDI ANTO PATAK (PP113052)

9.2 MAHAD BIN AYEM (PS073040)

9.3 EMELIA SARI (PM113041)

9.4 SITI NAJWA BINTI ZAMRI (MSC153020)

9.5 MEOR HASBULLAH BIN MEYOR SAMSUDIN (MKM143042)

9.6 AYMAN F.M. MALIHA (PJ133002)

Tindakan : Bahagian BPB, SPS

10.0 PERMOHONAN LANJUT HANTAR NOTIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

10.1 ZHANG DAWEI (PH113162)

Mesyuarat memperakukan penukaran Pengerusi VIVA yang baharu iaitu Dr. Noriza bt Mohd. Jamal.

Tindakan : Bahagian BPB, SPS

10.2 CHAUDRY SHOAIB AKHTAR (PH113162)

Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 petang dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Disemak Kedua:

**PUAN NORALIZA BINTI
TASIRAN**

**CIK NORAZLINA BINTI
AZIZI**

**PROF. MADYA DR. NOOR
HAZARINA BT HASHIM**

Setiausaha

Sekolah Pengajian
Siswazah

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti

Sekolah Pengajian
Siswazah

Pengurus Akademik

Sekolah Pengajian
Siswazah